



UniSHAMS

جامعة السلطان عبد الحليم معظمه شاه الإسلامية العالمية
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

FAQ SESI KEMASUKAN 2025

MELESTARIKAN
ILMU MELALUI KEBIJAKSANAAN



Isi Kandungan

1. PERMOHONAN.....	1
2. KEMASUKAN	1
3. KEMUDAHAN & PINJAMAN.....	2
4. FASILITI & AMENITI LUAR.....	3
5. KOLEJ KEDIAMAN IBNU SINA.....	3
6. UniSHAMS ASSIST (UA) – PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR.....	5
7. BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT UniSHAMS (BTM).....	7
8. AKADEMIK – KULIYYAH PENGAJIAN.....	9
9. MATRIKULASI UniSHAMS (ASASI SAINS).....	9
10. MATRIKULASI UniSHAMS (ASASI PENGURUSAN).....	10
11. MATRIKULASI UniSHAMS (ASASI PENGAJIAN ISLAM).....	10
12. KULIYYAH KAUNSELING, PENDIDIKAN & SAINS SOSIAL - UniSHAMS KAUSAS.....	11
13. UniSHAMS MEDIC.....	12
14. KULLIYAH USULUDDIN, SAINS AL-QURAN & BAHASA ARAB – UniSHAMS KUBRA.....	13
15. KULLIYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG - UniSHAMS SHARIAH & LAW	18
16. PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH – UniSHAMS GRADUATE SCHOOL (UGS).....	19
17. BENDAHARI UniSHAMS.....	21
18. SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH (SPPNK).....	23
19. PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH.....	24
20. LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK).....	26
21. MATRIKULASI UniSHAMS (BIASISWA UniSHAMS).....	29

Soalan Lazim (FAQ)

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

PERMOHONAN

Q: Bagaimanakah cara untuk memohon kemasukan ke UniSHAMS?

A: Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui portal rasmi UniSHAMS di www.unishams.edu.my

Q: Bilakah tarikh permohonan dibuka setiap tahun?

A: Tarikh permohonan bergantung kepada ambilan semasa. UniSHAMS mengadakan beberapa ambilan setiap tahun, antaranya pada bulan Jun, Ogos, dan Februari.

Q: Apakah dokumen yang perlu disediakan untuk permohonan?

A: Dokumen yang diperlukan termasuk salinan kad pengenalan/pasport, sijil akademik, slip keputusan peperiksaan, gambar berukuran pasport, serta dokumen sokongan lain yang berkaitan.

Q: Adakah permohonan dibuka kepada pelajar antarabangsa?

A: Ya. UniSHAMS menerima pelajar antarabangsa bagi kebanyakan program akademik, kecuali untuk program Perubatan (MBBS) yang hanya terbuka kepada pelajar tempatan.

Q: Adakah permohonan dibuka sepanjang tahun?

A: Terdapat program tertentu yang membenarkan permohonan sepanjang tahun seperti Program Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah. Walau bagaimanapun, calon dinasihatkan untuk merujuk laman web rasmi untuk tarikh kemasukan terkini.

KEMASUKAN

Q: Apakah syarat am kemasukan ke UniSHAMS?

A: Calon perlu memenuhi syarat minimum akademik seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan pihak universiti, selain syarat khas program yang dipohon.

Q: Bagaimanakah proses pendaftaran pelajar baru dijalankan?

A: Pelajar akan menerima surat tawaran rasmi dan perlu hadir untuk sesi pendaftaran mengikut tarikh yang ditetapkan. Pendaftaran merangkumi pengesahan dokumen, pembayaran yuran dan orientasi.

Q: Bagaimanakah proses pendaftaran pelajar baru dijalankan?

A: Pelajar akan menerima surat tawaran rasmi dan perlu hadir untuk sesi pendaftaran mengikut tarikh yang ditetapkan. Pendaftaran merangkumi pengesahan dokumen, pembayaran yuran dan orientasi.

Q: Bolehkah saya memohon penangguhan kemasukan?

A: Ya. Permohonan penangguhan kemasukan perlu dikemukakan secara bertulis dan menghubungi Pusat Pengurusan Akademik UniSHAMS (PPA) bersama alasan yang kukuh, dan tertakluk kepada kelulusan.

Q: Adakah semua pelajar wajib mengikuti Minggu Suai Kenal (Orientasi)?

A: Ya. Kehadiran ke Minggu Suai Kenal adalah wajib bagi semua pelajar baru bagi memastikan mereka mendapat pendedahan awal berkaitan hal ehwal akademik dan sosial di UniSHAMS.

Q: Bagaimana sekiranya saya tidak memenuhi syarat kelayakan?

A: Calon boleh mempertimbangkan program asasi atau diploma sebagai laluan alternatif untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah di UniSHAMS. Calon boleh melayari laman sesawang www.unishams.edu.my untuk semakan syarat kelayakan.

KEMUDAHAN & PINJAMAN

Q: Adakah UniSHAMS menawarkan bantuan kewangan kepada pelajar?

A: Ya. UniSHAMS menawarkan Dermasiswa Tajaan Negeri Kedah, potongan yuran semester pertama, dan membantu pelajar membuat permohonan pinjaman pendidikan seperti PTPTN dan MARA (bagi program yang layak).

Q: Bagaimana prosedur permohonan PTPTN?

A: Pelajar boleh memohon PTPTN selepas mendaftar masuk ke universiti. Taklimat khas dan bantuan permohonan akan diberikan oleh Unit Kewangan Pelajar semasa Minggu Silaturrahim (MSR) di Orientasi.

Q: Adakah UniSHAMS menyediakan pelan bayaran ansuran yuran?

A: Ya. Pelajar boleh memohon pembayaran yuran secara ansuran dengan syarat mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Kewangan UniSHAMS. Pelajar boleh membayar yuran pengajian secara ansuran dan perlu menjelaskan semua tunggakan sebelum menduduki peperiksaan akhir pada semester tersebut.

Q: Adakah terdapat biasiswa penuh yang ditawarkan?

A: Biasiswa penuh tertakluk kepada syarat akademik yang cemerlang dan tertakluk kepada penajaan luar seperti Dermasiswa Kerajaan Negeri atau agensi lain.

Q: Bolehkah pelajar antarabangsa memohon bantuan kewangan?

A: Bantuan kewangan tertentu seperti potongan yuran semester pertama turut dibuka kepada pelajar antarabangsa, tertakluk kepada terma dan syarat.

FASILITI & AMENITI LUAR

Q: Apakah kemudahan utama yang terdapat di UniSHAMS?

A: UniSHAMS menyediakan perpustakaan, makmal komputer, makmal sains, kafeteria, pusat sukan, surau, bilik mesyuarat, serta ruang pembelajaran kolaboratif.

Q: Adakah UniSHAMS menyediakan kemudahan asrama kepada pelajar?

Ya. Asrama pelajar lelaki dan perempuan disediakan khususnya buat para pelajar semester pertama.

Q: Apakah kemudahan riadah yang disediakan kepada pelajar?

A: Kemudahan sukan termasuk gelanggang futsal, badminton, bola tampar, gimnasium, dan kawasan hijau untuk aktiviti riadah dan santai.

Q: Adakah terdapat perkhidmatan pengangkutan untuk pelajar?

A: UniSHAMS menyediakan bas shuttle untuk pergerakan pelajar di kawasan sekitar kampus pada waktu-waktu tertentu untuk tujuan program dan pergerakan ke dewan utama.

Q: Adakah terdapat kemudahan sokongan kesihatan untuk pelajar?

A: UniSHAMS tidak menyediakan kemudahan sokongan Kesihatan kepada pelajar. Pelajaryang mengalami sebarang masalah Kesihatan boleh ke terus ke Klinik Kesihatan Kuala Ketil kira-kira 1KM dari UniSHAMS.

KOLEJ KEDIAMAN IBNU SINA

Q: Siapakah yang layak memohon kolej kediaman pelajar?

A: Semua pelajar sepenuh masa yang berdaftar di universiti layak memohon kolej kediaman, tertakluk kepada kekosongan dan kriteria pemilihan tertentu seperti jarak tempat tinggal, penglibatan dalam aktiviti, dan keperluan khas.

Q: Bagaimanakah cara untuk memohon tempat di kolej kediaman?

A: Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui portal rasmi universiti semasa tempoh permohonan dibuka. Pelajar perlu mengisi maklumat lengkap dan memuat naik dokumen sokongan jika diperlukan.

Q: Apakah kemudahan yang disediakan di kolej kediaman?

A: Kemudahan yang disediakan termasuk:

- Katil, meja belajar, almari pakaian dan kipas
- Akses Wi-Fi
- Bilik air
- Mesin basuh (layan diri) dan tempat menjemur pakaian

Q: Adakah pelajar dibenarkan membawa peralatan elektrik sendiri?

A: Ya, tetapi hanya peralatan yang dibenarkan sahaja seperti komputer riba, kipas angin, seterika, printer dan lampu meja. Semua peralatan mesti mendapat kelulusan (stiker pelekat barang elektrik) pihak kolej bagi tujuan keselamatan.

Q: Berapakah kadar bayaran kolej kediaman?

A: Kadar bayaran bergantung kepada jenis bilik dan fasiliti yang disediakan. Anggaran kadar adalah antara RM480.00 (Pelajar Matrikulasi)/Semester dan RM720.00 (Pelajar Pedana)/Semester. Bayaran boleh dibuat setiap semester atau bulanan, bergantung kepada polisi semasa.

Q: Adakah pelajar boleh memilih rakan sebilik?

A: Pelajar boleh mencadangkan rakan sebilik semasa permohonan, namun penempatan akhir adalah tertakluk kepada pertimbangan pihak kolej.

Q: Bolehkah pelajar keluar masuk kolej pada bila-bila masa?

A: Pelajar boleh keluar masuk mengikut waktu yang ditetapkan oleh pihak kolej. Waktu keluar masuk biasanya adalah dari jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam, kecuali dengan kebenaran khas.

Q: Siapa yang boleh dihubungi sekiranya berlaku kecemasan atau masalah di kolej?

A: Pelajar boleh menghubungi Pengetua, felo, atau pengawal keselamatan bertugas. Nombor kecemasan dan pegawai bertugas akan dipaparkan di papan kenyataan.

Q: Adakah kolej kediaman menyediakan kemudahan untuk OKU (Orang Kurang Upaya)?

A: Ya, bilik mesra OKU dan tandas khas disediakan untuk pelajar yang memerlukan.

Q: Bolehkah pelajar luar menumpang bermalam di kolej kediaman?

A: Tidak dibenarkan. Kolej kediaman hanya untuk pelajar yang berdaftar sahaja demi menjaga keselamatan dan keselesaan semua penghuni.

Q: Adakah pelajar dibenarkan membawa kenderaan sendiri ke kolej kediaman?

A: Ya, Pelajar dibenarkan membawa kenderaan walaupun tahun pertama. Kelulusan tertakluk kepada peraturan dan kuota yang ditetapkan oleh pihak universiti. Pelekat kenderaan rasmi mesti dipamerkan sepanjang masa.

Q: Adakah ibu bapa atau penjaga boleh melawat pelajar di kolej?

A: Ya, ibu bapa atau penjaga dibenarkan melawat pada waktu yang ditetapkan (Jumaat & Sabtu), biasanya antara jam 8.00 pagi hingga 7.00 malam. Mereka tidak dibenarkan bermalam atau masuk ke bilik pelajar tanpa kebenaran pihak pengurusan.

Q: Apakah peraturan asas yang perlu dipatuhi oleh penghuni kolej?

A: Pelajar wajib:

- Menjaga kebersihan dan keselamatan bilik serta kawasan kolej kediaman pelajar
- Mematuhi waktu keluar masuk yang ditetapkan
- Tidak membawa pelawat tanpa kebenaran
- Menghormati rakan sebilik dan felo serta penyelia kolej kediaman pelajar
- Tidak melakukan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang atau peraturan universiti

Q: Bagaimana tahap keselamatan di kolej kediaman dipantau?

A: Keselamatan dipantau oleh pengawal keselamatan 24 jam, serta rondaan berkala oleh pengetua dan felo kolej. Semua pelajar diminta melapor sebarang kejadian mencurigakan dengan segera.

Q: Adakah kolej menyediakan aktiviti atau program untuk pelajar?

A: Ya, pelbagai program anjuran pihak kolej seperti aktiviti kerohanian, sukan, akademik, dan kesukarelawanan diadakan secara berkala. Penyertaan pelajar digalakkan bagi membentuk sahsiah dan semangat komuniti yang positif.

UniSHAMS ASSIST (UA) – PUSAT PERKHIDMATAN PELAJAR

Q: Apakah itu UniSHAMS Assist?

A: UniSHAMS Assist - UA ialah satu unit atau bahagian yang menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan kepada pelajar bagi membantu kelancaran urusan akademik, urusan pelajar, dan pembangunan diri sepanjang tempoh pengajian.

Q: Apakah perkhidmatan yang disediakan?

A: Antara perkhidmatan yang ditawarkan termasuk:

- Pendaftaran dan semakan status pelajar
- Pengurusan bantuan pengurusan kewangan
- Pengurusan penginapan pelajar
- Kaunseling dan bimbingan psikologi
- Perkhidmatan kebaikan pelajar
- Sokongan untuk pelajar antarabangsa
- Aduan dan maklum balas pelajar

Q: Siapakah yang boleh menggunakan perkhidmatan ini?

A: Semua pelajar berdaftar di UniSHAMS, termasuk:

- Pelajar tempatan dan antarabangsa
- Pelajar sepenuh masa dan separuh masa
- Pelajar pra-siswazah dan pasca-siswazah

Q: Bagaimanakah cara untuk mendapatkan perkhidmatan?

A: Anda boleh:

- Datang terus ke kaunter perkhidmatan (walk-in)
- Menghantar permohonan melalui portal pelajar (Helpdesk)
- Menghubungi pegawai perkhidmatan pelajar melalui emel atau telefon
- Menetapkan janji temu bagi perkhidmatan tertentu seperti kaunseling melalui Student Portal

Q: Apakah waktu operasi UniSHAMS Assist?

A: Waktu operasi:

- Ahad – Khamis: 8.30 pagi – 5.00 petang
- Tutup pada Jumaat, Sabtu dan cuti umum

Q: Di manakah lokasi pusat ini?

A: Aras G, Persada Siswa, Bangunan A8, UniSHAMS

Q: Adakah perkhidmatan dalam talian disediakan?

A: Ya. Anda boleh mengakses banyak perkhidmatan melalui:

- Portal pelajar
- Emel rasmi pusat perkhidmatan
- Sistem e-perkhidmatan (UniHelpdesk)

Q: Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa berurus?

A: Anda perlu membawa:

- Kad pelajar atau nombor IC
- Dokumen sokongan berkaitan permohonan (jika diperlukan)

Q: Bagaimana cara untuk mengemukakan aduan atau cadangan?

A: Pelajar boleh:

- Mengisi borang maklum balas dalam talian di laman sesawang UniSHAMS
- Menyampaikan aduan melalui sistem aduan utama (UniHelpdesk)
- Mengisi borang maklum balas melalui imbasan QR di setiap kaunter yang berurusan

Q: Siapa yang boleh saya hubungi jika ada pertanyaan?

- Emel: <https://unihelpdesk.unishams.edu.my/>
- Telefon: +60 44991114
- Portal Pelajar:
 - Postgraduate: <https://postgraduate.unishams.edu.my/?pages=login>
 - Matrikulasi & Undergraduate: <https://undergraduate.unishams.edu.my/student.php>

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT UniSHAMS (BTM)

PORTAL PELAJAR

Q: Bagaimanakah cara untuk log masuk ke Portal Pelajar?

A: Gunakan ID pelajar dan kata laluan yang diberikan semasa pendaftaran.

Q: Saya terlupa kata laluan Portal Pelajar. Apa perlu saya buat?

A: Gunakan fungsi "Lupa Kata Laluan" di laman log masuk portal atau hantar e-tiket melalui .

Q: Di mana saya boleh akses Portal Pelajar dengan stabil?

A: Anda boleh akses portal melalui rangkaian kampus (WiFi atau makmal komputer) atau dari luar kampus menggunakan sambungan internet yang stabil.

WIFI KAMPUS

Q: Bagaimanakah saya boleh menyambung ke WiFi kampus?

A: Sambung ke rangkaian UniWIFI menggunakan SSID "UniSHAMS Student", kemudian melalui landing page UniWIFI, masukkan nombor baucer yang boleh didapati daripada portal pelajar.

Q: Berapakah had peranti yang boleh digunakan untuk UniWIFI?

A: Setiap baucer UniWIFI hanya dibenarkan untuk digunakan bersama DUA peranti sahaja.

Q: Bagaimana untuk tukar peranti yang disambungkan ke WiFi UniWIFI?

A: Datang ke BTM di Bangunan Canselor Sri Ustaz Azizan Razak untuk memberikan maklumat peranti baru. Maklumat peranti lama akan digantikan dengan maklumat peranti yang baru.

Q: Kenapa laman log masuk (landing page) WiFi tidak muncul?

A: Jika landing page tidak dipaparkan, tukar pelayar web kepada pelayar weblain seperti Mozilla Firefox. Pelajar juga boleh hadir ke Pejabat BTM untuk mendapatkan bantuan sambungan WiFi kampus.

EMEL PELAJAR

Q: Adakah saya mendapat akaun emel pelajar?

A: Ya, setiap pelajar akan menerima emel rasmi berformat seperti [nomorMatrikPelajar]@unishams365.onmicrosoft.com melalui platform Microsoft 365.

Q: Saya terlupa kata laluan emel pelajar. Bagaimana untuk set semula?

A: Anda boleh set semula kata laluan melalui laman pemulihan akaun Microsoft atau hubungi Meja Bantuan ICT atau hantar tiket untuk bantuan melalui .

CLOUD STORAGE

Q: Adakah storan awan disediakan kepada pelajar?

A: Ya, pelajar diberi akses kepada storan awan OneDrive melalui akaun Microsoft 365 universiti.

Q: Berapakah kapasiti storan awan yang disediakan?

A: Sehingga 1TB storan awan tersedia untuk setiap pelajar di OneDrive.MICROSOFT OFFICE 365

Q: Adakah pelajar boleh menggunakan Microsoft Office secara percuma?

A: Ya. Pelajar boleh memuat turun dan menggunakan Microsoft Office 365 secara percuma menggunakan akaun universiti.

Q: Bagaimana untuk mendapatkan Office 365?

A: Log masuk ke <https://portal.office.com> menggunakan emel pelajar dan muat turun perisian daripada sana.

MAKMAL KOMPUTER

Q: Adakah pelajar boleh menggunakan makmal komputer universiti?

A: Ya, pelajar boleh menggunakan makmal komputer untuk tugas, pencarian maklumat dan capaian sistem universiti.

Q: Bilakah waktu penggunaan makmal komputer?

A: Waktu operasi makmal bergantung kepada lokasi, biasanya dibuka Ahad hingga Khamis, 8:00 pagi – 5:00 petang. Sila rujuk notis penggunaan makmal di makmal komputer untuk maklumat lanjut.

AKADEMIK – KULIYYAH PENGAJIAN

Q: Apakah bidang pengajian yang ditawarkan di UniSHAMS?

A: UniSHAMS menawarkan sebanyak 42 program pengajian yang merangkumi program asasi, diploma, ijazah sarjana muda, pasca diploma, sarjana dan doktor falsafah.

Q: Apakah mod pengajian yang ditawarkan di UniSHAMS?

A: Mod pengajian merangkumi sepenuh masa bagi program pengajian asasi, diploma dan ijazah sarjana muda manakala sepenuh masa dan separuh masa bagi pengajian diperingkat pascasiswazah.

Q: Bagaimanakah kaedah penilaian akademik dijalankan?

A: Penilaian akademik melibatkan kombinasi kerja kursus, projek, peperiksaan pertengahan semester, peperiksaan akhir, pembentangan dan kehadiran.

Q: Adakah UniSHAMS mempunyai program pengajian jarak jauh (PJJ)?

A: Tiada

Q: Apakah bahasa pengantar bagi program-program di UniSHAMS?

A: Bahasa pengantar bergantung kepada program. Umumnya, Bahasa Malaysia dan Bahasa Arab digunakan, manakala sesetengah program profesional turut menggunakan Bahasa Inggeris.

MATRIKULASI UniSHAMS (ASASI SAINS)

Q: Kalau saya dapat gred C dalam subject fizik/kimia/Biology/Matematik/Matematik tambahan,bolehkah saya menyambung pengajian bagi program MBBS unishams?Bagaimana caranya?

A: Boleh. Namun, anda perlu mengulang kertas SPM bagi subjek yang tidak mencapai gred B mengikut syarat kemasukan ke MBBS. Subjek-subjek yang perlu minima B adalah Biologi, Kimia, Fizik, Matematik/Matematik Tambahan dan mana-mana subjek lain. Anda digalakkan untuk mendaftar Asasi Sains dan dalam masa yang sama mendaftar SPM ulangan.

Q: Bolehkah saye menyambung ke Program Asasi Sains jika saya mendapat gred D Bahasa inggeris SPM?

A: Boleh. Namun, anda perlu mengulang jika ingin menyambung MBBS kerana syarat kelayakan adalah kredit (minima C) bagi subjek Bahasa Inggeris.

Q: Bolehkah saya menyambung program MBBS jika saya mendapat gred D Bahasa Inggeris SPM?

A: Boleh. Namun, anda perlu mengulang jika ingin menyambung MBBS kerana syarat kelayakan adalah kredit (minima C) bagi subjek Bahasa Inggeris

Q: Bolehkah saya menyambung MBBS Jika pointer di Asasi Sains tidak mencapai 3.0 utk subjek sains?

A: Tidak. Namun, anda boleh mengulang kursus di peringkat ASASI untuk memperbaiki keputusan bagi melayakkan anda ke MBBS.

Q: Saya mendapat gred A+ bgi subjek sains SPM,bolehkah saya menyambung Mbbs di Unishams?

A: Tidak, anda perlu mengambil subjek sains tulen iaitu fizik, kimia, biologi, matematik/ matematik tambahan dalam peperiksaan SPM dan mendapat sekurang-kurangnya gred B

Q: Adakah saya boleh mendapat sebarang tajaan untuk menyambung MBBS UniSHAMS selepas tamat Asasi?

A: Ya. Terdapat beberapa tajaan yang disediakan, namun ianya berdasarkan syarat khusus untuk tajaan tersebut. Walaubagaimanapun, bagi program MBBS Unishams, pelajar yang tidak mendapat tajaan boleh memohon pinjaman MARA, PTPTN dan juga badan kewangan lain

MATRIKULASI UniSHAMS (ASASI PENGURUSAN)

Q: Bolehkah saya menyambung Pengajian utk Asasi Pengurusan jika gred Matematik SPM saya E?

A: Ya boleh, jika cukup 5 kredit dalam SPM.

Q: Adakah saya wajib belajar bahasa arab jika saya mengambil ASP? Saya tiada asas bahasa Arab.

A: Ya, subjek yang akan dipelajari bagi program Asasi Pengurusan termasuk Bahasa arab. Bahasa arab peringkat asas.

MATRIKULASI UniSHAMS (ASASI PENGAJIAN ISLAM)

Q: Jika saya tidak mengambil Bahasa Arab di peringkat SPM,adalah saya layak utk Program Asasi Pengajian Islam?

A: Boleh, sekiranya pelajar mempunyai sijil sokongan mempelajari Bahasa Arab di peringkat/kursus lain kerana pembelajaran di sini menggunakan medium Bahasa Arab.

Q: Adakah saya layak utk Program Asasi Pengajian Islam jika mendapat gred E Bahasa Arab SPM?

A: Ya, layak.

Q: Apakah medium bahasa yang digunakan dalam kelas Asasi Pengajian Islam?

A: Bahasa Arab adalah medium rasmi (buku dan peperiksaan) namun kebiasaannya penerangan dalam kelas menggunakan Bahasa Melayu.

Q: Bagi pelajar perempuan, bolehkah memakai selendang untuk hadir ke kuliah?

A: Boleh. Walaubagaimanapun, tudung perlu labuh melepas paras dada dari sudut depan dan belakang, bahagian tepi yang melepas paras bahu serta kemas.

Q: Bagi pelajar lelaki, bolehkah memakai baju kemeja selain warna putih untuk ke kuliah?

A: Boleh.

KULIYYAH KAUNSELING, PENDIDIKAN & SAINS SOSIAL - UniSHAMS KAUSAS

Q: Apakah nama penuh program ini?

A: Program ini dikenali sebagai Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian, ditawarkan di bawah Fakulti Kaunseling, Pendidikan dan Sains Sosial, UniSHAMS.

Q: Adakah saya perlu hadir temuduga untuk masuk ke program Kaunseling di UNISHAMS?

A: Ya, perlu menjalani proses temuduga untuk menilai minat dan kesesuaian pelajar dalam bidang kaunseling.

Q: Apakah kriteria utama yang dinilai semasa temuduga?

A: Kriteria yang dinilai semasa proses temuduga adalah dari segi personaliti, Kemahiran komunikasi, pengetahuan asas berkaitan kaunseling dan keterlibatan atau Keprihatinan sosial dan empati

Q: Apakah prospek kerjaya selepas tamat pengajian?

A: Setelah tamat pengajian, pelajar layak untuk ke bidang kerjaya seperti

A: Kaunselor di IPT, Pegawai psikologi / kaunseling di agensi kerajaan & swasta serta Konsultan atau fasilitator pembangunan kendiri

Q: Bolehkah saya mendaftar sebagai Kaunselor Berdaftar selepas tamat pengajian?

A: Ya, jika program anda diiktiraf oleh LKM dan memenuhi syarat praktikum serta temuduga pendaftaran LKM.

Q: Berapa tempoh pengajian untuk program Ijazah Kaunseling?

A: 4 tahun (8 semester) secara sepenuh masa.

Q: Apakah kemudahan yang disediakan untuk pelajar Kaunseling?

A: Kemudahan yang disediakan untuk pelajar kaunseling iaitu Makmal kaunseling untuk simulasi sesi, Bilik sesi individu, kelompok dan keluarga

Q: Bolehkah saya menyambung pengajian ke peringkat Sarjana dan PhD selepas tamat ijazah ini?

A: Ya. Pelajar boleh melanjutkan pengajian dalam sarjana kaunseling dan Phd kaunseling di UNISHAMS.

Q: Adakah program Kaunseling ini berteraskan Islam?

A: Ya. Sebagai universiti Islam, UNISHAMS menekankan elemen kaunseling Islam.

UniSHAMS MEDIC

Q: Berapakah tempoh pengajian bagi program MBBS di UniSHAMS?

A: Program MBBS merupakan kursus sepenuh masa selama 5 tahun, yang dibahagikan kepada 2 tahun praklinikal dan 3 tahun latihan klinikal.

Q: Apakah syarat kemasukan ke program MBBS?

A: Sila rujuk pautan rasmi untuk syarat kemasukan terkini:

<https://unishams.edu.my/index.php/prog-offered/23-undergraduate-programmes/29-bachelor-s-degree/209-mbbs>

Q: Adakah program MBBS di UniSHAMS diiktiraf?

A: Ya, program ini diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).

Q: Di manakah latihan klinikal dijalankan?

A: Latihan klinikal dijalankan di hospital dan klinik kerajaan, termasuk:

- Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH)
- Hospital Sultanah Bahiyah (HSB)
- Hospital Kulim
- Hospital/klinik daerah lain di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Q: Adakah program MBBS diajar dalam Bahasa Inggeris?

A: Ya, bahasa utama pengantar adalah Bahasa Inggeris, dengan pendedahan kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Arab dalam kursus universiti.

Q: Apakah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan?

A: Program ini menggunakan pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah (PBL) yang berpusatkan pelajar, disokong oleh kuliah, tutorial, pendedahan klinikal, sesi amali, serta input Islamik.

Q: Apakah prospek kerjaya selepas tamat pengajian MBBS di UniSHAMS?

A: Graduan layak memohon untuk menjalani latihan siswazah (housemanship) di hospital-hospital Malaysia. Selepas tamat, ramai yang melanjutkan pengajian ke peringkat kepakaran melalui program Sarjana atau laluan selari, sama ada di dalam atau luar negara. Ada alumni yang berkhidmat di hospital atau klinik swasta, manakala sebahagian lagi menceburi bidang akademik sebagai pensyarah atau penyelidik.

A: Berapakah jumlah yuran pengajian bagi pelajar tempatan?

Jumlah keseluruhan yuran pengajian bagi pelajar Malaysia adalah lebih kurang RM 250,000 untuk keseluruhan tempoh 5 tahun.

Q: Berapakah yuran pengajian bagi pelajar antarabangsa?

A: Bagi pelajar antarabangsa, jumlah keseluruhan adalah kira-kira RM 300,000 untuk program selama 5 tahun.

Q: Apakah yuran permulaan sebelum pendaftaran?

A: Yuran permulaan sebelum pendaftaran termasuk yuran pendaftaran dan komitmen sebanyak RM 3,660 (akan ditolak daripada yuran pengajian).

Q: Adakah basiswa atau bantuan kewangan disediakan?

A: Ya. Pelajar boleh memohon Biasiswa:

- Zakat Kedah
- Zakat Pulau Pinang
- Yayasan Terengganu

A: Pinjaman/Bantuan Kewangan:

- PTPTN
- TESP MARA
- Yayasan Islam Negeri Kedah (YINK)
- Yayasan Negeri Sarawak
- Yayasan Sabah
- Affin Bank

Q: Adakah penginapan disediakan untuk pelajar MBBS?

A: Ya, penginapan adalah wajib bagi pelajar Tahun 1. Pilihan penginapan termasuk:

- Asrama Ibnu Khaldun (Rumah Berkembar 2 Tingkat): RM 1,020/semester
- Asrama Ibnu Sina (Asrama Berkongsi): RM 720/semester

KULLIYAH USULUDDIN, SAINS AL-QURAN & BAHASA ARAB - UniSHAMS KUBRA

Q: Apakah program pengajian yang ditawarkan oleh KUBRA UniSHAMS?

A: KUBRA menawarkan 11 program pengajian dalam bidang Usuluddin, Ilmu Al-Quran dan Bahasa Arab bermula dari peringkat diploma sehingga doktor falsafah.

KUBRA menawarkan program berikut:

- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Bahasa Arab
- Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Usuluddin
- Ijazah Sarjana (Master) Bahasa Arab
- Ijazah Sarjana (Master) Usuluddin
- Ijazah Sarjana (Master) Pengajian Al-Quran

- Ijazah Sarjana (Master) Pengajaran Al-Quran
- Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kepujian
- Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Pengajian Qiraat dengan Kepujian
- Diploma Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Qiraat
- Diploma Pengajian Islam

Q: Adakah KUBRA menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama?

A: Ya, kebanyakan subjek teras diajar dalam Bahasa Arab, namun sebahagian pengajaran dan penerangan juga dijalankan dalam Bahasa Melayu dan/atau Inggeris.

Q: Saya tidak mempunyai latar belakang aliran agama. Bolehkah saya memohon ke program di KUBRA?

A: Boleh, asalkan anda memenuhi syarat minimum kelayakan SPM/STAM/STPM atau kelayakan setaraf. Namun, penilaian akan dibuat berdasarkan subjek berkaitan dan prestasi temuduga (jika dijalankan).

Q: Adakah saya perlu mahir dalam Bahasa Arab untuk mengikuti program ini?

A: Tidak semestinya mahir, tetapi asas Bahasa Arab adalah satu kelebihan. Pelajar akan mengikuti kursus pengukuhan Bahasa Arab pada awal pengajian jika diperlukan.

Q: Apakah syarat kemasukan untuk program Diploma Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Qiraat?

A: Syarat kemasukan adalah:

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya TIGA (3) kredit; DAN
- Lulus dalam SATU (1) mata pelajaran Bahasa Arab; ATAU
- SATU (1) mata pelajaran Pengajian Islam; ATAU
- Sijil yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengannya.

Q: 6. Apakah syarat kemasukan untuk program Diploma Pengajian Islam?

A: Syarat kemasukan adalah:

- Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengan sekurang-kurangnya TIGA (3) kredit; DAN
- Lulus dalam SATU (1) mata pelajaran Bahasa Arab; ATAU
- SATU (1) mata pelajaran Pengajian Islam; ATAU
- Sijil yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengannya.

Q: Apakah syarat kemasukan untuk program Ijazah Sarjana Muda Usuluddin?

A: Syarat kemasukan adalah:

Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 daripada 4.00 dan sekurang-kurangnya DUA (2) kelulusan penuh, dan SATU (1) daripadanya dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam; ATAU

- daripadanya dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam; ATAU
- Lulus kelayakan yang setaraf dengan STPM seperti A-level, dengan syarat bahawa calon lulus sekurang-kurangnya SATU (1) subjek Pengajian Islam dalam kelayakan itu; ATAU
- Lulus program Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf sebagai Asasi Pengajian Islam dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00; ATAU
- Lulus dengan gred keseluruhan Maqbul dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); ATAU
- Diploma yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00.

Q: Apakah syarat kemasukan untuk program Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Qiraat?

A: Syarat kemasukan adalah:

- Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 daripada 4.00 dan sekurang-kurangnya DUA (2) kelulusan penuh, dan SATU (1) daripadanya dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam; ATAU
- Lulus kelayakan yang setaraf dengan STPM seperti A-level, dengan syarat bahawa calon lulus sekurang-kurangnya SATU (1) subjek Pengajian Islam dalam kelayakan itu; ATAU
- Lulus program Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf sebagai Asasi Pengajian Islam dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00; ATAU
- Lulus dengan gred keseluruhan Maqbul dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); ATAU
- Diploma yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00.

Q: Apakah syarat kemasukan untuk program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab?

A: Syarat kemasukan adalah:

- Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.00 daripada 4.00 dan sekurang-kurangnya DUA (2) kelulusan penuh, dan SATU (1) daripadanya dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan Pengajian Islam; ATAU
- Lulus kelayakan yang setaraf dengan STPM seperti A-level, dengan syarat bahawa calon lulus sekurang-kurangnya SATU (1) subjek Pengajian Islam dalam kelayakan itu; ATAU
- Lulus program Matrikulasi atau kelayakan yang diiktiraf sebagai Asasi Pengajian Islam dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00; ATAU
- Lulus dengan gred keseluruhan Maqbul dalam Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); ATAU
- Diploma yang diiktiraf dalam Pengajian Islam atau yang setaraf dengan mendapat PNGK minimum 2.00 daripada 4.00.

Q: Adakah temuduga diperlukan untuk kemasukan?

A: Di KUBRA, hanya program seperti Tahfiz Al-Quran dan Pengajian Qiraat sahaja yang memerlukan calon melalui sesi temuduga dan ujian bacaan dan hafazan Al-Quran.

Q: Bagaimanakah bentuk penilaian dalam program-program di KUBRA?

A: Penilaian dibuat melalui tugas, kuiz, pembentangan, serta projek ilmiah dan latihan industri (bagi sesetengah program) dan peperiksaan akhir.

Q: Apakah peluang kerjaya selepas tamat pengajian dari KUBRA?

A: Pelajar berpotensi menjadi guru, pensyarah, pegawai hal ehwal Islam, editor kandungan Islam, penterjemah, penyelidik, pentadbir dan lain-lain dalam sektor awam dan swasta.

Q: Adakah graduan sarjana muda KUBRA boleh menyambung pengajian ke peringkat Sarjana atau PhD?

A: Ya, semua program KUBRA memenuhi syarat untuk sambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, sama ada di dalam atau luar negara.

Q: Berapakah anggaran yuran pengajian?

A: Yuran bergantung kepada program dan mod pengajian. Untuk maklumat terperinci, sila rujuk laman rasmi UniSHAMS pada pautan berikut:

<https://unishams.edu.my/images/KULLIYYAH/yuran-2025-april/YURAN%20UniSHAMS%20Tempatan-International.pdf>

Q: Adakah bantuan kewangan disediakan kepada pelajar?

A: Pelajar boleh memohon pinjaman PTPTN, zakat daripada lembaga zakat negeri masing-masing, atau bantuan kewangan daripada agensi luar yang berkaitan.

Q: Bolehkah pelajar KUBRA mengikuti program mobiliti ke luar negara?

A: Ya, pelajar berpeluang mengikuti program pertukaran pelajar di IPT luar negara yang mempunyai kepada kerjasama semasa dengan UniSHAMS.

Q: Berkenaan program pengajian pascasiswazah, adakah program ditawarkan secara kerja kursus, penyelidikan atau mod campuran?

- PhD Bahasa Arab: Penyelidikan sepenuhnya.
- PhD Usuluddin: Penyelidikan sepenuhnya (Mod A)
- Sarjana Bahasa Arab: Kerja Kursus dan Penyelidikan. (Mod B: Campuran)
- Sarjana Usuluddin: Kerja Kursus dan Penyelidikan.
- Sarjana Pengajian Al-Quran: Kerja Kursus (Mod C)
- Sarjana Pengajaran Al-Quran: Kerja Kursus (Mod C)

Q: Berapakah tempoh pengajian minimum dan maksimum bagi program pascasiswazah?

A: PhD:

- Sepenuh Masa: Minimum 3 tahun, maksimum 6 tahun
- Separuh Masa: Minimum 4 tahun, maksimum 8 tahun

A: Sarjana (Mod B: Campuran):

- Sepenuh Masa: Minimum 2 tahun, maksimum 4 tahun
- Separuh Masa: Minimum 3 tahun, maksimum 6 tahun

A: Sarjana (Mod C):

- Sepenuh Masa: minimum 1 tahun setengah, maksimum 3 tahun
- Separuh Masa: minimum 2 tahun , maksimum 4 tahun

Q: Bolehkah saya mencadangkan tajuk penyelidikan sendiri?

A: Ya, calon digalakkan mencadangkan tajuk sendiri. Tajuk tersebut akan dinilai dan diluluskan oleh Jawatankuasa khas yang dilantik.

Q: Apakah bidang kepakaran pensyarah penyelia?

A: KUBRA mempunyai pensyarah pakar dalam bidang seperti:

- Linguistik Bahasa Arab
- Balaghah dan Sastera Arab
- Pengajaran Bahasa Arab
- Aqidah dan Pemikiran Islam
- Hadith dan Tafsir
- Al-Quran dan Qiraat
- Pendidikan Islam dan Pengajaran Al-Quran
- Dakwah Islamiyah
- Falsafah Islam

Q: 22. Adakah kelas hujung minggu ditawarkan untuk pelajar separuh masa?

A: Ya, kelas pascasiswazah sepenuh dan separuh masa memang ditawarkan pada hujung minggu.

Q: Adakah penginapan disediakan untuk pelajar?

A: Ya. Asrama disediakan bagi semua pelajar sepenuh masa. Namun, pelajar juga boleh memilih untuk tinggal di luar kampus dengan kebenaran rasmi.

Q: Bolehkah saya membawa kenderaan sendiri ke kampus?

A: Boleh, dengan syarat mendaftar dan mendapatkan stiker kenderaan dari Pejabat Keselamatan UniSHAMS.

Q: Siapakah yang boleh saya hubungi untuk maklumat lanjut berkaitan pengajian di KUBRA?

A: Anda boleh menghubungi Pejabat Pentadbiran KUBRA melalui:

No. Tel: 04- 4991162

Email rasmi kulliyyah : kubra@unishams.edu.my / dekankubra@unishams.edu.my

Untuk capaian info terkini, sila layari:

Facebook:

<https://www.facebook.com/kba.kba.560>

TikTok:

https://www.tiktok.com/@kubra_unishams

Instagram:

https://www.instagram.com/kubraofficial_unishams/reels/

KULLIYAH SYARIAH & UNDANG-UNDANG - UniSHAMS SHARIAH & LAW

Q: Apakah program Syariah yang ditawarkan di UniSHAMS?

A: UniSHAMS menawarkan pelbagai program dalam bidang Syariah, termasuk:

- Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian.
- Diploma Pascasiswazah dalam Kehakiman dan Guaman Syarie.
- Sarjana Syariah.
- Doktor Falsafah (PhD) dalam Syariah.

Q: Apakah kelayakan masuk untuk Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian?

A: Calon perlu memenuhi salah satu syarat berikut:

- Lulus STPM dengan PNGK sekurang-kurangnya 2.00 dan sekurang-kurangnya dua kelulusan penuh, salah satunya dalam Pengajian Islam.
- Lulus STAM dengan gred keseluruhan Maqbul.
- Lulus program Matrikulasi atau Asasi Pengajian Islam dengan PNGK minimum 2.00..
- Lulus Diploma dalam Pengajian Islam atau setaraf dengan PNGK minimum 2.00.

Q: Berapa lamakah tempoh pengajian untuk program Ijazah Sarjana Muda Syariah?

A: Tempoh pengajian adalah selama 3 tahun 6 bulan hingga 4 tahun, bergantung kepada struktur program dan kemajuan pelajar.

Q: Adakah program ini diiktiraf oleh MQA?

A: Ya, program Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Kepujian di UniSHAMS telah mendapat akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sejak 25 April 2008.

Q: Apakah peluang kerjaya bagi graduan program Syariah?

A: Graduan program Syariah berpeluang menceburi kerjaya seperti:

- Pegawai Syariah / Peguam Syarie
- Pegawai Hal Ehwal Islam
- Penolong Pendaftar Mahkamah Syariah
- Pegawai Penyelidik Syariah
- Kaunselor Keluarga Islam
- Pensyarah atau Penyelidik dalam bidang Syariah

Q: Apakah keunikan Diploma Pascasiswazah dalam Kehakiman dan Guaman Syarie (DPGS) di UniSHAMS?

A: Program DPGS di UniSHAMS adalah satu-satunya seumpamanya di dunia yang ditawarkan oleh universiti ini. Ia bertujuan untuk melahirkan profesional dalam bidang kehakiman dan guaman syarie dengan penekanan kepada aplikasi praktikal dalam konteks Malaysia.

Q: Adakah program DPGS diiktiraf untuk jawatan dalam sektor awam?

A: Ya, program DPGS telah didaftarkan dalam senarai program JPA, membolehkan graduannya memohon jawatan seperti Pegawai Syariah Gred LS41 dalam sektor awam.

Q: Berapakah yuran pengajian untuk program Ijazah Sarjana Muda Syariah di UniSHAMS?

A: Yuran pengajian untuk program ini adalah sekitar RM33,990.

Q: Bagaimana cara untuk memohon program Syariah di UniSHAMS?

A: Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman web rasmi UniSHAMS. Calon perlu memastikan mereka memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dan menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan

PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH – UniSHAMS GRADUATE SCHOOL (UGS)

Permohonan Kemasukan/ Admission Application

Q: Apakah syarat kemasukan ke program pascasiswazah di UniSHAMS?

A: Secara umum, pemohon hendaklah memiliki:

- Diploma Pascasiswazah – Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan PNGK minimum 2.50 daripada institusi yang diiktiraf;
- Ijazah Sarjana – Ijazah Sarjana Muda dengan PNGK minimum 2.75 daripada institusi yang diiktiraf;
- Ijazah Doktor Fasafah – Ijazah Sarjana daripada institusi yang diiktiraf;
- Beberapa program mungkin mempunyai syarat tambahan yang tertentu.

Q: Bagaimana saya boleh membuat permohonan ke program pascasiswazah?

A: Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui portal rasmi UniSHAMS di <https://www.unishams.edu.my>.

Q: Bilakah tarikh tutup permohonan untuk pengambilan akan datang?

A: Tarikh tutup berbeza mengikut sesi pengambilan. Permohonan akan diproses mengikut kepada sesi pengambilan.

Q: Adakah pemohon antarabangsa dibenarkan memohon dan apakah syarat tambahan untuk mereka?

A: Ya, pelajar antarabangsa dibenarkan memohon. Mereka perlu mengemukakan dokumen pelajar antarabangsa seperti Keperluan Bahasa Inggeris dan Perakuan Kesihatan

Q: Bagaimana proses pendaftaran pelajar baharu dijalankan?

A: Pelajar akan menerima surat tawaran, panduan kemasukan dan panduan pendaftaran. Pendaftaran boleh dilakukan secara fizikal pada tarikh yang ditetapkan.

Q: Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa pendaftaran?

A: Salinan kad pengenalan/passport, sijil akademik asal, surat tawaran, slip bayaran dan gambar berukuran pasport.

Q: Bilakah tarikh rasmi pendaftaran pelajar baharu?

A: Tarikh rasmi akan dinyatakan dalam surat tawaran.

Q: Adakah saya perlu menghadiri sesi taklimat pelajar baharu?

A: Ya, semua pelajar baharu diwajibkan menghadiri sesi taklimat kerana ia mengandungi maklumat penting berkaitan struktur program, peraturan universiti dan penggunaan portal pelajar.

Q: Siapa yang boleh saya hubungi jika menghadapi masalah semasa pendaftaran?

A: Anda boleh hubungi Unit Kemasukan dan Rekod Pusat Pengajian Siswazah di emel: kemasukanrekod_pps@unishams.edu.my atau nombor telefon yang tertera di laman web rasmi.

Q: Berapakah jumlah yuran pengajian untuk program pascasiswazah?

A: Yuran bergantung kepada program. Anggaran yuran adalah antara RM9,000 hingga RM27,000 keseluruhan. Rujuk laman web rasmi untuk butiran lanjut.

Q: Apakah kaedah pembayaran yang diterima oleh UniSHAMS?

A: Bayaran boleh dibuat melalui SnapNPay, kod QR yang disediakan dalam surat tawaran, pindahan dalam talian, deposit bank atau FPX.

Q: Adakah pelajar boleh membuat bayaran secara ansuran?

A: Ya, pelajar boleh memohon untuk membuat bayaran secara ansuran tertakluk kepada kelulusan Pejabat Bendahari.

Q: Di manakah saya boleh menyemak status pembayaran yuran saya?

A: Status pembayaran boleh disemak melalui portal pelajar.

Q: Adakah bayaran yuran boleh dikembalikan jika saya menarik diri?

A: Pengembalian yuran adalah tertakluk kepada polisi UniSHAMS. Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada Pejabat Bendahari bersama bukti pembayaran.

Q: Adakah bayaran yuran boleh dikembalikan jika saya menarik diri?

A: Pengembalian yuran adalah tertakluk kepada polisi UniSHAMS. Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada Pejabat Bendahari bersama bukti pembayaran.

BENDAHARI UniSHAMS

Q: Bagaimana potongan pinjaman PTPTN berlaku pada yuran saya?

A: Pemotongan pinjaman PTPTN setiap semester akan dibuat berdasarkan subjek yang didaftarkan oleh pelajar sebelum/pada 5hb bagi bulan berikutnya selepas tempoh pengaktifan pelajar berakhir. Contoh semester ini adalah sebelum/pada 5 Julai 2021.

Contoh : Abu membuat pengaktifan semester dan pendaftaran subjek pada 28 Jun 2021 dan dikenakan caj sebanyak RM4,500.00. Pada 12hb Julai 2021, Abu ada membuat pendaftaran subjek berjumlah RM500. Oleh demikian data yang dihantar pemotongan ke PTPTN adalah sebelum/pada 5hb Julai 2021 iaitu RM4,500 (jika waran PTPTN pelajar lebih daripada RM4,500). Ini bermakna RM500 pelajar perlu membayar tanpa libatkan pemotongan PTPTN.

Q: Mengapa ada Debit Note (Nota Debit) dan Credit Note (Nota Kredit) di penyata pelajar saya, dan apakah maksudnya?

A: Berdasarkan Peraturan Kewangan & Akaun Bab 19, Polisi Kutipan yuran Pelajar, Perkara 19.1(b)(i),"yuran pentadbiran, yuran pengajian, yuran asrama (jika berkaitan), dan lain-lain caj yuran yang berkaitan dengan pengajian akan dicaj di dalam invois pelajar setelah selesai pengaktifan pelajar dan pendaftaran subjek".

Walaubagaimanapun, apabila dalam tempoh minggu tambah atau gugur kursus, atau cadangan daripada kuliyyah untuk sesuatu kursus atau program, maka terhasillah Nota Debit (penambahan caj) atau Nota Kredit (pengurangan caj) berdasarkan kursus yang diambil semester tersebut. Proses Nota Debit dan Nota Kredit ini berlaku dalam tempoh adanya minggu tambah gugur kursus sahaja.

Pelajar hanya perlu memastikan jumlah yuran (selepas mengambil kira Nota Debit atau Nota Kredit) tersebut adalah sama seperti jumlah caj yuran yang diambil bagi semester tersebut.

Contoh : Ali mengaktifkan status pada Semester Jun 2021 dan mendaftar 5 subjek dengan jumlah yuran di invois pada masa tersebut sebanyak RM3,750.00. Dalam tempoh minggu tambah gugur kursus, Ali perlu atau menambah subjek keenam. Oleh demikian Nota Debit subjek keenam tersebut berjumlah RM750. Kemudian, Ali gugur kursus pula subjek pertama, jadi akan ada Nota Kredit berjumlah contohnya RM500. Jadi sekarang jumlah subjek yang diambil Ali semester Jun 2021 ini adalah 5 subjek dengan jumlah yuran sebanyak RM4,000 (RM3,750+RM750-RM500).

Q: Saya ada lebihan yuran saya di penyata pelajar semester ini, bolehkah saya tuntut dan bagaimana caranya?

A: Berdasarkan Peraturan Kewangan & Akaun, Bab 19-Polisi Kutipan Yuran Pelajar, Perkara 19.9, pelajar yang mempunyai lebihan yuran sama ada yuran pengajian, wang cagaran (jika berhenti/tarik diri/gantung/tamat dalam pengajian) , dan Bond Persendirian , sekiranya pelajar tidak mempunyai baki hutang tertunggak, keseluruhan jumlah lebihan yuran tersebut akan dipulangkan kepada pelajar.

Pelajar perlu memohon kepada universiti dengan melengkapkan borang permohonan lebihan yuran yang bileh dimuat turun di portal pelajar dan lengkapkan dokumen berkaitan dan emelkan ke unithasil@unishams.edu.my. Sekiranya borang yang tidak lengkap dengan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan permohonan anda tidak akan diproses. Tempoh pulangan balik dari bermula permohonan dan proses sekurang-kurangnya 4 minggu.

A: Sebarang pertanyaan atau maklumbalas berkaitan kewangan pelajar, sila emel ke unithasil@unishams.edu.my atau e-servis/e-tiket di e-servis@unishams.edu.my.

Q: Bagaimanakah cara untuk membayar yuran pengajian saya?

A: Berdasarkan Peraturan Kewangan & Akaun, Bab 19-Polisi Kutipan Yuran Pelajar, Perkara 19.9, pelajar yang mempunyai lebihan yuran sama ada yuran pengajian, wang cagaran (jika berhenti/tarik diri/gantung/tamat dalam pengajian) , dan Bond Persendirian , sekiranya pelajar tidak mempunyai baki hutang tertunggak, keseluruhan jumlah lebihan yuran tersebut akan dipulangkan kepada pelajar.

Pelajar perlu memohon kepada universiti dengan melengkapkan borang permohonan lebihan yuran yang bileh dimuat turun di portal pelajar dan lengkapkan dokumen berkaitan dan emelkan ke unithasil@unishams.edu.my. Sekiranya borang yang tidak lengkap dengan dokumen yang diperlukan akan menyebabkan permohonan anda tidak akan diproses. Tempoh pulangan balik dari bermula permohonan dan proses sekurang-kurangnya 4 minggu.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas berkaitan kewangan pelajar, sila emel ke unithasil@unishams.edu.my atau e-servis/e-tiket di e-servis@unishams.edu.my.

SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH (SPPNK)

Q: Bilakah tempoh permohonan Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) dibuka setiap tahun?

A: Permohonan biasanya dibuka dari Ogos hingga September setiap tahun. Namun, tempoh ini tertakluk kepada perubahan semasa dan akan dimaklumkan melalui portal pelajar atau pihak kulliyah.

Q: Apakah syarat utama kelayakan untuk memohon pembiayaan ini?

A: Antara syarat utama ialah:

- Pemohon atau ibu/bapa lahir di Kedah, warganegara Malaysia dan bermastautin di Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Tidak menerima sebarang tajaan/bantuan kewangan lain.
- Tidak disenarai hitam oleh SPPNK.
- Sihat tubuh badan.
- Belajar secara sepenuh masa dalam negara bagi peringkat Sijil/Diploma/Ijazah Pertama.

Q: Adakah pelajar Master atau PhD layak memohon pembiayaan ini?

A: Tidak. Pembiayaan ini hanya ditawarkan kepada pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa dalam peringkat Sijil, Diploma atau Ijazah Sarjana Muda sahaja.

Q: Saya pelajar tahun akhir. Bolehkan saya memohon pembiayaan ini?

A: Tidak. Permohonan hanya dibuka kepada pelajar tahun pertama sahaja (Semester 1 dan 2) untuk kemasukan baharu tahun 2024.

Q: Berapakah kadar pembiayaan yang ditawarkan kepada pelajar UniSHAMS?

- Ijazah Sarjana Muda: RM14,000.00 setahun
- Diploma: RM12,000.00 setahun

Q: Bagaimana cara untuk memohon pembiayaan ini?

A: Permohonan perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem iPinjam SPPNK di:

👉 <https://eservices.kedah.gov.my/ipinjam>

Pastikan anda mendaftar, log masuk, dan lengkapkan semua bahagian permohonan serta muat naik dokumen sokongan yang telah disahkan.

Q: Di manakah saya boleh mendapatkan borang pengesahan bermastautin dan pendapatan?

A: Borang tersebut boleh dimuat turun semasa proses permohonan di dalam sistem iPinjam.

- BPPSPPNK/09 – Borang Pengesahan Bermastautin
- BPPSPPNK/07 – Borang Pengesahan Pendapatan

Q: Bagaimana saya boleh menyemak status permohonan?

A: Status permohonan boleh disemak melalui laman sesawang rasmi SPPNK:

👉<https://sppnk.kedah.gov.my>

Pastikan permohonan anda menunjukkan status BERJAYA DIHANTAR dalam sistem sebelum anda log keluar.

Q: Apakah yang perlu saya lakukan jika terlupa kata laluan sistem iPinjam?

A: Klik pada butang “Lupa Kata Laluan” di laman log masuk sistem. Masukkan No. Kad Pengenalan dan e-mel yang telah didaftarkan. Kata laluan baharu akan dihantar ke e-mel anda.

Q: Di mana boleh saya mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut?

A: Anda boleh menghubungi:

- Kaunter SPPNK: 04-702 7272
- Unit Penajaan: 04-702 7296
- E-mel: sppnk@kedah.gov.my
- Media sosial: Facebook / Instagram @sppnkedah

PINJAMAN PENDIDIKAN YAYASAN ISLAM NEGERI KEDAH

Q: Siapakah yang layak memohon pinjaman ini?

A: Untuk layak memohon, pemohon mestilah:

- Beragama Islam.
- Anak kelahiran Kedah atau ibu bapa lahir di Kedah; atau telah menetap di Kedah lebih 10 tahun (dengan surat pengesahan pemastautin).
- Tidak menerima sebarang tajaan lain.
- Mengikuti pengajian di institusi yang diiktiraf Kerajaan Malaysia (untuk Mesir, Jordan & UniSHAMS).
- Mengikuti bidang pengajian yang ditetapkan oleh YINK.

Q: 2. Apakah bidang pengajian yang ditawarkan dan jumlah pinjaman yang diberikan?

Peringkat	Negara / Universiti	Bidang	Jumlah Pinjaman Setahun	Syarat Kelayakan Akademik
Ijazah Sarjana Muda	Universiti di Mesir	Sains Kesihatan (Perubatan, Pergigian, Farmasi)	RM40,000 (Yuran) + RM10,000 (Elaun Buku & Sara Hidup)	Cemerlang SPM: BM, Kimia, Fizik, Biologi
Ijazah Sarjana Muda	UniSHAMS	Perubatan	RM50,000	Cemerlang SPM: BM, Kimia, Fizik, Biologi
Ijazah Sarjana Muda	Mesir	Pengajian Islam / Bahasa Arab / Tahfiz Al-Quran / Ulum Islamiah	RM8,000	Lulus STAM (Jayyid) atau SPM (kepujian BM, Arab, Quran & Sunnah, Syariah)
Ijazah Sarjana Muda	Jordan	Pengajian Islam / Syariah & Undang-Undang	RM15,000	SPM (kepujian BM, Arab, Quran & Sunnah, Syariah)

Q: 3. Bagaimana cara untuk memohon?

A: Langkah-langkah permohonan:

- Layari laman web rasmi YINK di
- Lengkapkan borang permohonan secara dalam talian.
- Cetak borang permohonan yang lengkap.
- Sertakan dokumen sokongan yang disahkan.
- Hantar borang dan dokumen lengkap ke Alamat:

Ketua Pegawai Eksekutif,
Yayasan Islam Negeri Kedah,
No. 56A, Jalan Teluk Wanjah,
05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

A: Cara penghantaran:

- Serahan tangan di kaunter (Ahad–Khamis, waktu pejabat).
- Pos ke alamat di atas.

Q: Apakah dokumen yang perlu disertakan dan disahkan?

A: Senarai dokumen (disahkan):

- Sijil kelahiran pemohon
- Sijil lahir ibu & bapa / penjaga (jika lahir di luar Kedah)
- Kad pengenalan pemohon dan ibu bapa
- Sijil berhenti sekolah

- Sijil SPM / STAM / STPM / Diploma
- Surat tawaran kemasukan ke institusi
- Salinan passport (untuk luar negara)
- Penyata gaji / pengesahan pendapatan ibu bapa
- Sijil-sijil penglibatan kokurikulum

Q: Siapakah yang boleh mengesahkan dokumen?

- Pegawai kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional)
- Pengamal undang-undang
- Wakil rakyat / senator
- Pengetua / Guru Besar
- Jaksa Pendamai
- Ketua Kampung / Penghulu
- Pengerusi JKKK

Cop pengesahan mestilah lengkap dengan: Nama, jawatan, dan jabatan/alamat pegawai.

Q: Adakah saya boleh menuntut semula bayaran kos fotostat atau pengeposan?

A: Tidak. Semua kos yang terlibat dalam melengkapkan permohonan adalah tanggungan pelajar sendiri.

Q: Apa yang berlaku jika permohonan saya tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat?

- Permohonan anda boleh ditolak.
- Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil temu duga.
- Jika tiada sebarang makluman diterima dalam masa 6 bulan dari tarikh tutup, permohonan dianggap tidak berjaya.

Q: Bagaimana saya boleh hubungi pihak YINK untuk maklumat lanjut?

- Alamat: Yayasan Islam Negeri Kedah, No. 56A, Jalan Teluk Wanjah, 05200 Alor Setar, Kedah.
- Telefon: 04-7302703
- Faks: 04-7303713
- Emel:info@yink.gov.my
- Laman web: www.yink.gov.my

LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH (LZNK)

Q: Apakah itu Tajaan Pendidikan LZNK untuk pelajar UniSHAMS?

A: Tajaan ini merupakan bantuan kewangan oleh LZNK kepada pelajar UniSHAMS yang layak, khususnya dalam kalangan asnaf fakir, miskin, dan berpendapatan rendah (B40), bagi menampung kos pengajian sepanjang tempoh pengajian peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Q: Bilakah permohonan boleh dibuat?

A: Permohonan dibuka secara atas talian melalui portal rasmi LZNK:

👉 <http://biasiswa.zakatkedah.com.my>

Permohonan hanya boleh dibuat dalam tempoh yang diumumkan melalui Kulliyyah atau Portal Pelajar.

Q: Siapakah yang layak memohon tajaan ini?

A: Bagi Peringkat Diploma:

- Beragama Islam.
- Bermastautin di Kedah (mengikut alamat surat tawaran) sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Pelajar tahun pertama bagi sesi kemasukan Februari 2024/2025.
- Mempunyai sekurang-kurangnya 3 Kredit dalam SPM serta kepujian Bahasa Melayu.
- Lulus ujian Bahasa Arab dan temuduga (jika berkaitan, contoh: Diploma Tahfiz).
- Keutamaan diberi kepada pelajar asnaf fakir, miskin atau B40.

A: Bagi Peringkat Ijazah Sarjana Muda (kecuali Perubatan):

- Beragama Islam.
- Bermastautin di Kedah sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Pelajar tahun pertama bagi sesi kemasukan Februari 2024/2025.
- Lulus Diploma/Matrikulasi/STPM/Asasi dengan CGPA ≥ 2.5 atau pangkat MAQBUL (STAM).
- Keutamaan juga kepada asnaf fakir, miskin atau B40.

Q: Apakah kadar tajaan yang ditawarkan?

Peringkat Pengajian	Jumlah Setahun
Diploma (semua bidang)	RM12,000
Ijazah Sarjana Muda (selain Perubatan)	RM14,000
Ijazah Sarjana Muda Perubatan & Pembedahan	RM53,600
ASASI (Semua bidang)	Yuran Pengajian + Yuran Asrama (RM480/semester) + Elaun Sara Hidup (RM1,200/semester)

Q: Bagaimana cara untuk membuat permohonan?

A: Permohonan hanya boleh dilakukan secara atas talian di:

👉 <http://biasiswa.zakatkedah.com.my>

A: Sila pastikan semua dokumen dimuat naik dengan lengkap termasuk:

- Kad Pengenalan pemohon & ibu bapa/penjaga
- Gambar berukuran passport
- Penyata pendapatan/gaji/pengesahan
- Dokumen kelulusan akademik
- Surat tawaran pengajian UniSHAMS

Q: Siapakah yang menguruskan permohonan ini?

A: Semua permohonan akan diproses oleh:

Divisyen Pendidikan,Lembaga Zakat Negeri Kedah,Aras 3, Menara Zakat,Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar, Kedah Darul Aman. ☎ Telefon: 04-7331740

Q: Apakah terdapat tajaan untuk peringkat Matrikulasi (ASASI)?

A: Ya. LZNK turut menaja pelajar lepasan SPM (asnaf miskin) yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat Asasi UniSHAMS bagi sesi kemasukan Jun dan Oktober 2025. Tajaan merangkumi:

- Yuran Pengajian
- Yuran Asrama
- Elaun Sara Hidup

Pelajar yang menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat Asasi juga berpeluang menerima tajaan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Q: Bolehkah pelajar dari luar Kedah memohon tajaan ini?

A: Tidak. Syarat kelayakan utama ialah pemohon mestilah bermastautin di Kedah sekurang-kurangnya selama 2 tahun, berdasarkan alamat dalam surat tawaran pengajian.

Q: Adakah tajaan ini perlu dibayar semula?

A: Tajaan ini adalah dalam bentuk biasiswa (bukan pinjaman), dan tidak perlu dibayar semula. Namun, pelajar dikehendaki mengekalkan prestasi akademik yang baik dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh LZNK.

Q: Bagaimana jika terdapat perubahan syarat?

A: Sebarang perubahan syarat atau polisi adalah tertakluk kepada keputusan semasa oleh pihak penaja (LZNK).

MATRIKULASI UniSHAMS (BIASISWA UniSHAMS)

Q: Kalau saya bukan anak Kedah, bolehkah saya memohon Biasiswa UniSHAMS?

A: Ya boleh, Biasiswa UniSHAMS terbuka untuk semua warganegara Malaysia.

Q: Adakah saya perlu membayar RM660 yuran pendaftaran jika saya mendapat tajaan Biasiswa UniSHAMS?

A: Tidak, jika mendapat Biasiswa UniSHAMS, anda hanya perlu membayar RM250 yuran kemasukan sahaja ketika pendaftaran sebagai pelajar Asasi UniSHAMS.

Q: Adakah Biasiswa UniSHAMS menaja yuran asrama?

A: Tidak, Biasiswa UniSHAMS tidak menaja yuran asrama.

Q: Adakah Biasiswa UniSHAMS memberi elaun sara diri kepada pelajar?

A: Tidak, Biasiswa UniSHAMS tidak memberi elaun sara diri.

Q: Bolehkah saya memohon Biasiswa UniSHAMS jika ingin menyambung di peringkat Ijazah sarjana muda di universiti lain?

A: Tidak, syarat penajaan Biasiswa UniSHAMS adalah Wajib menyambung pengajian di peringkat Ijazah sarjana muda di UniSHAMS.

Q: Apakah itu Biasiswa UniSHAMS?

A: Biasiswa UniSHAMS ialah program pembiayaan pendidikan selama 1 tahun (3 semester) khusus untuk pelajar Asasi yang telah mendaftar di UniSHAMS. Ia menampung yuran pendaftaran, pengajian, dan pentadbiran, namun tidak termasuk yuran asrama, alumni, dan konvokesyen.

Q: Siapakah yang layak memohon Biasiswa UniSHAMS?

- Pelajar yang:Warganegara Malaysia
- Telah mendaftar sebagai pelajar UniSHAMS
- Berstatus pelajar Asasi Semester 1
- Menghantar dokumen lengkap dan menandatangani perjanjian biasiswa

Q: Program Asasi mana yang layak mendapat biasiswa ini?

- Asasi Sains
- Asasi Pengurusan
- Asasi Pengajian Islam

Q: Apakah jumlah keseluruhan basiswa yang ditawarkan?

A: Bergantung kepada program:

- Asasi Sains: RM5,605.00
- Asasi Pengurusan: RM5,205.00
- Asasi Pengajian Islam: RM5,205.00

Jumlah ini merangkumi yuran pendaftaran, yuran pengajian dan yuran pentadbiran untuk 3 semester.

Q: Apakah syarat untuk mengekalkan pembiayaan bagi Semester 2 dan 3?

A: Berdasarkan keputusan Semester 1:

- PMS 3.00 – 4.00: Layak dibiaya sepenuhnya (yuran pengajian & pentadbiran)
- PMS 2.00 – 2.99: Hanya yuran pengajian dibiaya
- PMS 1.99 ke bawah: Tiada pembiayaan

Q: Bagaimana cara memohon Biasiswa UniSHAMS?

A: Permohonan dan penyerahan dokumen dilakukan secara manual semasa sesi taklimat penajaan yang akan diberi kepada pelajar baharu setiap sesi kemasukan. Pemohon wajib mengisi Dokumen Perjanjian Biasiswa dan lampiran dokumen sokongan yang lengkap.

Q: Adakah biasiswa ini perlu dibayar balik selepas tamat pengajian?

A: Tidak. Biasiswa UniSHAMS adalah pembiayaan penuh tanpa bayaran balik, selagi pelajar mematuhi semua syarat dan mengekalkan prestasi akademik yang ditetapkan

UniSHAMS

Bahagian Komunikasi Korporat (BKK)

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
09300 Kuala Ketil,
Kedah Darul Aman,
Malaysia.